(Kelulusan Mesyuarat JKKP PPSK Bil 3/2024: 24 September 2024)

# PROSEDUR PELAPORAN KEJADIAN BERBAHAYA, KEMALANGAN DAN TERPERANGKAP DALAM LIF DI PUSAT PENGAJIAN SAINS KESIHATAN (PPSK)

## SKOP:

Prosedur ini digunapakai untuk semua staf, pelajar dan pelawat untuk pelaporan semua kejadian berbahaya, kemalangan, kebakaran, kemalangan nyaris dan terperangkap dalam lif di Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK).

## TERMA RUJUKAN:

1. Prosedur Pemberitahuan Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan Dan Penyakit Pekerjaan Serta Penyiasatan Tarikh Kelulusan : Mesyuarat Ke-4 JKKPU 16 Oktober 1998
   Tarikh Kemaskini: Mesyuarat ke-41, JKKPU pada 13 April 2010
   (Prosedur ini boleh didapati di laman web UKKP; http://ukkpu.usm.my)
2. Prosedur 'How To Handle An Emergency in PPSK' (Versi terkini)
3. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
4. Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan Dan Penyakit Pekerjaan) 2004

## PROSEDUR:

| No. | Langkah | Tindakan | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Melaporkan:<br><br>a) Kejadian Berbahaya/Kenyataan/Aduan (siling hampir jatuh, bendul, halangan laluan, binatang berbisa dll)<br><br>b) Kemalangan (melibatkan sebarang kecederaan seperti terkena bahan kimia, luka, keracunan, penyakit pekerjaan dll) | i. Mangsa<br><br>ii. Saksi<br><br>iii. Staf bertanggungjawab di lokasi | a) Laporan Kenyataan/Aduan: Borang UKKP PK1<br><br>b) Laporan Kemalangan: Borang UKKP PK2<br><br>c) Laporan Kebakaran: Borang UKKP PK3<br><br>d) Laporan Kemalangan Nyaris: |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | c) Kebakaran<br><br>d) Kemalangan Nyaris (kejadian yang berlaku dan hampir menyebabkan kecederaan)<br><br>e) Terperangkap Dalam Lif<br><br>di PPSK kepada staf bertanggungjawab di lokasi kejadian/lokasi lain terdekat dengan mengisi borang yang berkaitan | | Borang UKKP PK4<br><br>e) Laporan Mangsa/Penumpang Terperangkap Dalam Lif: Borang UKKP PK5<br>*Nota:*<br><br>• *Sekiranya terdapat kecederaan, mangsa perlu dibawa ke Pusat Kesihatan/HUSM dan pelaporan akan dibuat selepas mendapat rawatan.*<br>• *Mengisi dan menghantar Borang Laporan Rawatan Perubatan Mangsa Kemalangan: Borang UKKP RP1* |
| 2. | Menghantar borang laporan yang telah dilengkapkan kepada Setiausaha JKKP PPSK untuk tindakan selanjutnya. | i. Mangsa<br>ii. Saksi<br>iii. Staf bertanggungjawab<br>iv. Setiausaha JKKP PPSK | Nota:<br><br>• *Borang laporan boleh dimuat turun dari Laman Sesawang UKKP atau OSH PPSK*<br><br>• Sertakan gambar/video yang berkaitan dengan kejadian |
| 3. | Menghantar borang laporan kepada Penyelaras KKP PPSK untuk siasatan | i. Setiausaha JKKP PPSK<br>ii. Penyelaras KKP PPSK | |
| 4. | Menjalankan siasatan untuk mengenalpasti punca kejadian dan memberi cadangan penambahbaikan untuk mencegah kejadian daripada berulang | Penyelaras KKP PPSK | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | Mengemukakan laporan siasatan kepada Setiausaha JKKP PPSK untuk mendapatkan pengesahan Pengerusi JKKP PPSK | i. Penyelaras KKP PPSK<br>ii. Setiausaha JKKP PPSK<br>iii. Pengerusi JKKP PPSK | |
| 6. | Mengemukakan laporan yang telah disahkan oleh Pengerusi JKKP PPSK kepada UKKP Kampus Kesihatan | Setiausaha JKKP PPSK | |
| 7. | Membentangkan dan membincangkan laporan tersebut semasa Mesyuarat JKKP PPSK yang akan datang untuk makluman untuk pengesahan ahli mesyuarat | i. Penyelaras KKP PPSK<br>ii. Ahli JKKP PPSK | |
| 8. | Memaklumkan tentang cadangan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan di lokasi kejadian/kemalangan kepada staf/penyelia bertanggungjawab untuk tindakan pembetulan serta semakan/pemerhatian semula tindakan yang telah diambil. | i. Setiausaha JKKP PPSK<br>ii. Penyelaras KKP PPSK<br>iii. Staf/Penyelia Bertanggungjawab | |
| 9. | TAMAT | | |

Disediakan oleh:

1. Dr Maliki Hapani (Pensyarah PPSK)
2. En Md Lukmi Ismail (Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan UPMS)
3. Pn Hafizah Harun (Setiausaha JKKP PPSK)
4. En Mohamad Noor Mohamad Roze (Wakil Pekerja JKKP PPSK)

Tarikh: 8 Julai 2024

Disemak oleh:

1. Dr Faridah Naim (Penyelaras KKP PPSK)

Tarikh: 22 Julai 2024

Disahkan oleh:

Profesor Dr. Wan Rosli Wan Ishak (Pengerusi JKKP PPSK)
Tarikh: 22 Julai 2024